

NO. SOALAN: 394

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN [PADANG SERAI]

RUJUKAN : 9121

SOALAN:

Tuan N. Surendran [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang ditembak mati oleh polis dalam tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016 setakat ini menurut pecahan kaum, jantina, kewarganegaraan serta tempat kejadian.

JAWAPAN:

Pihak PDRM sentiasa mengambil langkah yang sewajarnya dengan menjalankan operasi untuk mengesan penjenayah yang merbahaya dan bertindak kejam kepada mangsanya serta boleh menimbulkan ketakutan kepada penduduk.

Statistik penjenayah yang ditembak mati pada tahun 2013 sehingga April 2016 adalah seperti berikut:-

PENJENAYAH DITEMBAK MATI BAGI TAHUN 2013- 2016 (JAN – APRIL)									
TAHUN	JUMLAH KES	PECAHAN		WARGANEGARA					
		JANTINA		MALAYSIA					INDONESIA
		L	P	MELAYU	CINA	INDIA	BUMI		
2013	19	35	1	10	4	11	1	10	
2014	20	35	0	15	2	8	2	15	
2015	21	30	0	10	3	10	2	10	
2016	9	19	0	11	1	2	2	11	
JUMLAH	69	119	1	46	10	31	7	46	

PERTANYAAN NO: 395

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN [PADANG SERAI]

RUJUKAN : 9122

SOALAN:

Tuan N. Surendran [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang mati dalam penjara dalam tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016 setakat ini menurut pecahan kaum, jantina, kewarganegaraan, sebab-sebab kematian dan tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa dalam kes-kes berikut.

JAWAPAN:

Untuk makluman, statistik Jabatan Penjara menunjukkan dari tahun 2013 sehingga 30 April 2016 didapati seramai 721 orang penghuni penjara telah meninggal dunia di hospital semasa penghuni berkaitan menerima rawatan lanjut terutamanya disebabkan masalah penyakit seperti HIV, kanser, serangan jantung, masalah darah, paru-paru, tibi, asma dan lain-lain. Daripada jumlah tersebut seramai 427 adalah kaum Melayu, 104 kaum Cina, 91 kaum India, 10 lain-lain bangsa dan 89 adalah warganegara asing. Mengikut perincian jantina pula, seramai 699 adalah lelaki manakala 22 adalah wanita.

Berdasarkan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Penjara, semua kes kematian haruslah dilaporkan kepada pihak polis dan hakim coroner. Setelah itu, perlaksanaan *coroner visit* dan siasatan akan dijalankan. Kematian tersebut dan hasil bedah siasat (post mortem) yang dijalankan juga akan dimaklumkan kepada ahli keluarga atau Pejabat Kedutaanya bagi warganegara asing.